

25 JUL 1997

SITI HASMAH DAN MARINA TETAMU PADA CERAMAH AIDS DI LANGKAWI

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali dan anaknya Datin Paduka Marina Mahathir akan menjadi tetamu pada majlis ceramah Aids dan Majlis Mesra Bersama anjuran PUSPANITA Langkawi di sini pada 4 Ogos ini.

Marina, yang juga Pengerusi Persatuan Aids Malaysia akan menyampaikan ceramah pada dua sesi yang membabitkan lebih 500 peserta di sebuah hotel terkemuka di sini.

Selain itu, Isteri Menteri Besar Puan Seri Nila Inangda Manyam Keumala akan turut hadir pada majlis itu.

Setiausaha PUSPANITA Langkawi Puan Embun Samecha hari ini berkata, program sebelah pagi membabitkan 250 pelajar sekolah dan pertubuhan belia di pulau peranginan itu yang akan memberi kesedaran kepada mereka tentang bahaya Aids.

Majlis itu akan dirasmikan oleh Pegawai Daerah Langkawi, Haji Ismail Hamid yang juga penasihat PUSPANITA manakala Datin Seri Dr Siti Hasmah akan menutup majlis itu.

Beliau berkata seramai 250 orang daripada pertubuhan wanita dijangka menghadiri ceramah dan majlis mesra di sebelah petang bersama-sama dengan Dr Siti Hasmah dan Marina. -- BERNAMA

ZI NH PR